

Prepared By:	Munerah Abd Rahman	Reviewed By:	Nora Tahir
--------------	--------------------	--------------	------------

No	Soalan	Jawapan
1	Apa <b>TAFIS e-Invoice Portal</b> ?	TAFIS e-Invoice Portal adalah Portal yang membolehkan Pembekal menghantar inbois dan dokumen sokongan secara digital
2	Di mana Pembekal boleh mendapatkan panduan atau tatacara penggunaan Portal e-Invoice?	Panduan atau tatacara ada tersedia di dalam seksyen <b>Support Guide</b> di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu
3	Bagaimana cara mendaftar masuk ke dalam Portal e-Invoice?	<p><b><u>Bagi Pembekal yang belum berdaftar di dalam TAFIS</u></b></p> <p>A. Pembekal perlu mengisi <b>Borang Vendor</b> dan menghantar borang yang lengkap tersebut ke Unit Vendor, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan</p> <p>B. Setelah keterangan Pembekal di daftarkan ke dalam TAFIS, Pembekal akan dapat e-mel berserta kata laluan sementara</p> <p>C. Dengan adanya ID Pengguna (<b>User ID</b>) dan kata laluan sementara, Pembekal boleh melayari laman web yang di sediakan di dalam e-mel.</p> <p><b><u>Bagi Pembekal yang sudah berdaftar di dalam TAFIS tetapi belum Menerima e-mel</u></b></p> <p>Pembekal boleh menghubungi <b>Pusat Perkhidmatan Pelanggan (PPP)</b> di talian +673 2383444 semasa waktu pejabat atau e-mel: <a href="mailto:PPP@treasury.gov.bn">PPP@treasury.gov.bn</a> untuk memaklumkan mengenai perkara tersebut di atas</p>

Document name:	TAFIS_e-Invoice_FAQ_BM_v1.1	Confidential	Page:	1 of 10
			Date Last Saved:	29/09/2017

## TAFIS e-Invoice Soalan Berulang



Prepared By:	Munerah Abd Rahman	Reviewed By:	Nora Tahir
--------------	--------------------	--------------	------------

4	Pembekal telah mendaftar alamat e-mel di Unit Vendor, Jabatan Perbendaharaan tetapi Pembekal masih belum menerima e-mel pengaktifan	<p>A. Pastikan e-mel Pembekal tidak penuh atau sila kosongkan ruang simpanan e-mel</p> <p>B. Sila semak di ruangan <b>Junk atau Spam</b> untuk memeriksa sekiranya e-mel pengaktifan termasuk ke dalam seksyen tersebut</p> <p>C. Sekiranya Pembekal masih belum menerima e-mel pengaktifan, sila hubungi <b>Pusat Perkhidmatan Pelanggan (PPP)</b> di talian +673 2383444 semasa waktu pejabat atau e-mel: <a href="mailto:PPP@treasury.gov.bn">PPP@treasury.gov.bn</a> untuk memaklumkan mengenai perkara tersebut di atas</p>
5	Bagaimana Pembekal boleh mendapatkan ID Pengguna ( <b>User ID</b> ) dan kata laluan sementara untuk melayari Portal e-Invoice?	Setelah alamat e-mel Pembekal berdaftar di dalam TAFIS oleh Unit Vendor di Jabatan Perbendaharaan, e-mel pengaktifan akan di e-mel ke alamat e-mel Pembekal berserta dengan ID Pengguna ( <b>User ID</b> ) dan kata laluan sementara
6	Adakah Pembekal perlu ubah kata laluan sementara yang dinyatakan didalam e-mel pengaktifan?	Ya, disarankan kepada Pembekal untuk mengubah kata laluan sementara semasa layari Portal e-Invoice buat kali pertama
7	Bagaimanakah cara untuk menukar kata laluan ?	<p>Pembekal boleh merujuk tatacara yang tersenarai di dalam seksyen <b>Support Guide</b> di dalam Portal e-Invoice</p> <p>Dokument rujukkan : <b>TAFIS 2017_CM_JA_AP04 Log Masuk setelah Pengaktifan_BM</b></p>

Document name:	TAFIS_e-Invoice_FAQ_BM_v1.1	Confidential	Page:	2 of 10
			Date Last Saved:	29/09/2017

## TAFIS e-Invoice Soalan Berulang



Prepared By: Munerah Abd Rahman Reviewed By: Nora Tahir

8	Apa langkah yang perlu di ambil jika Pembekal terlupa kata laluan atau kata laluan Pembekal tidak berfungsi?	<p>Pembekal boleh menghubungi <b>Pusat Perkhidmatan Pelanggan (PPP)</b> di talian +673 2383444 semasa waktu pejabat atau e-mel: <a href="mailto:PPP@treasury.gov.bn">PPP@treasury.gov.bn</a> untuk memohon kata laluan sementara yang baru</p> <p><b>Nota Penting</b> : Kata laluan sementara akan dihantar melalui e-mel setelah kakitangan Pusat Perkhidmatan Pelanggan (PPP) mengajukan soalan pengesahan kepada Pembekal</p>
9	Bolehkah Pembekal melayari Portal e-Invoice di luar negara pada bila-bila masa?	Ya, Pembekal boleh layari halaman <a href="http://www.tafis.gov.bn">www.tafis.gov.bn</a> di mana saja dan pada bila-bila masa
10	Bagaimana cara mengakses Portal e-Invoice?	<p>Pembekal boleh merujuk tatacara yang tersenarai di dalam seksyen <b>Support Guide</b> di dalam Portal e-Invoice</p> <p>Dokument rujukkan: <b>TAFIS 2017_CM_JA_AP04 Log Masuk setelah Pengaktifan_BM</b></p>
11	Bolehkan Pembekal memasukkan keterangan e-Invoice tanpa memasukkan atau memilih nombor <b>Purchase Order</b> atau <b>Contract</b> ?	Memilih atau memasukkan nombor <b>Purchase Order (PO)</b> atau <b>Contract</b> adalah keterangan yang di mestikan ketika memasukkan keterangan e-Invoice

Document name: TAFIS_e-Invoice_FAQ_BM_v1.1	Confidential	Page: 3 of 10
		Date Last Saved: 29/09/2017

## TAFIS e-Invoice Soalan Berulang



Prepared By:	Munerah Abd Rahman	Reviewed By:	Nora Tahir
--------------	--------------------	--------------	------------

12	Kalau Pembekal tidak menggunakan DO (Delivery Order)   SO (Service Order), masih bolehkah Pembekal menggunakan inbois didalam Portal e-Invoice?	Ya, Inbois masih boleh digunakan dan Pembekal disarankan untuk memaklumkan Jabatan mengenai perkara ini
13	Di mana boleh Pembekal mendapatkan chop pengesahan FR73 atau FR 75?	Pembekal boleh merujuk kepada Jabatan yang membuat pesanaan
14	Bolehkah inbois   DO (Delivery Order)   SO (Service Order)   SR (Service Report) yang tidak ada chop pengesahan FR73 atau FR75 di muat naik di dalam e-Invoice?	Pembekal disarankan mana-mana dokumen: inbois   DO (Delivery Order)   SO (Service Order)   SR (Service Report) mesti mempunyai chop pengesahan FR73 atau FR75 sebelum di muat naik di dalam e-Invoice
15	Jika Jabatan mengambil barang pesanan terus daripada Pembekal perlukan DO di chop pengesahan FR75?	Ya, Jabatan disarankan untuk membawa bersama chop FR75 bersama untuk chop DO berkenaan
16	Pembekal membuat penghantaran separuh daripada pesanan asal, bolehkah Pembekal menggunakan DO yang sama untuk penghantaran akan datang?	Pembekal disarankan supaya menggunakan DO yang berbeza setiap penghantaran memandangkan jumlah pesanan adalah berbeza setiap penghantaran
17	Bagaimanakah caranya jika Pembekal ingin menambah dokumen untuk di muat naik apabila status inbois sudah menjadi <b>eSubmitted</b> ?	A. Pembekal perlu merujuk dengan Jabatan untuk memohon inbois yang sudah menjadi <b>eSubmitted</b> untuk di kueri semula.

Document name:	TAFIS_e-Invoice_FAQ_BM_v1.1	Confidential	Page:	4 of 10
			Date Last Saved:	29/09/2017

# TAFIS e-Invoice Soalan Berulang




Prepared By: Munerah Abd Rahman | Reviewed By: Nora Tahir

		B. Setelah e-Invoice di kueri semula, Pembekal boleh memuat naik dokumen tambahan atau Pembekal boleh membatalkan inbois tersebut
18	Apakah senarai dokumen <b>mandatori (mandatory) / pilihan (optional)</b> yang perlu di muat naik di dalam e-Invoice?	Pembekal boleh merujuk di dalam e-Invoice setelah memasukkan keterangan e-Invoice dan menekan punat <b>Load Document Matrix</b> .  <b>Nota Penting:</b> Setiap Jabatan telah menetapkan dokumen <b>mandatori (mandatory) / pilihan (optional)</b> yang berbeza
19	Apakah jenis format dokumen yang boleh dimuat naik ke dalam e-Invoice?	Pembekal boleh merujuk senarai dokumen yang boleh didapati di dalam seksyen <b>Support Guide</b> di dalam Portal e-Invoice  Dokument rujukkan : <b>TAFISCM_List of Document Types</b>
20	Apakah saiz maksimum bagi satu (1) dokumen yang hendak dimuat naik di dalam e-Invoice?	Saiz maksimum bagi satu (1) dokumen yang boleh dimuat naik didalam e-Invoice adalah 3.5MB
21	Berapa jumlah maksimum dokumen yang boleh dimuat naik di dalam e-Invoice?	Tidak ada jumlah maksimum dokumen yang boleh dimuat naik di dalam e-Invoice

# TAFIS e-Invoice Soalan Berulang



Prepared By:	Munerah Abd Rahman	Reviewed By:	Nora Tahir
--------------	--------------------	--------------	------------



22	Adakah Pembekal perlu mengimbas dan muat naik dokumen EFT dan Bank Akuan di dalam e-Invoice?	Tertakluk kepada ketetapan dokumen <b>Mandatori</b> (Mandatory)   <b>Pilihan</b> (Optional) yang ditetapkan oleh Jabatan. Pembekal disarankan untuk merujuk kepada Jabatan mengenai perkara ini
23	Bagaimana cara untuk mengatasi sekiranya Pembekal hanya mempunyai 2 dokumen <b>Mandatori</b> (Mandatory) yang hendak di muat naik ke dalam e-Invoice sedangkan ketetapan dokumen dalam e-Invoice memerlukan 3 dokumen <b>Mandatori</b> (Mandatory)	Tertakluk kepada ketetapan dokumen <b>Mandatori</b> (Mandatory)   <b>Pilihan</b> (Optional) yang ditetapkan oleh Jabatan. Pembekal disarankan untuk merujuk kepada Jabatan mengenai perkara ini
24	<p>Apa yang perlu dilakukan sekiranya Pembekal menerima mesej (seperti rajah dibawah) setelah menekan punat <b>Load Document Matrix</b></p> 	Pembekal boleh merujuk kepada Jabatan yang mengeluarkan Purchase Order (PO) atau Contract bagi Pembekal mengenai penatapan <b>Document Matrix</b>

Document name:	TAFIS_e-Invoice_FAQ_BM_v1.1	Confidential	Page:	6 of 10
			Date Last Saved:	29/09/2017


# TAFIS e-Invoice Soalan Berulang



Prepared By: Munerah Abd Rahman | Reviewed By: Nora Tahir

<p>25</p>	<p>Apa yang perlu dilakukan sekiranya Pembekal menerima mesej (seperti rajah dibawah) setelah menyimpan e-Invoice</p> 	<p>A. Pembekal boleh berhubung dengan Jabatan yang mengeluarkan <b>Contract</b> atau <b>Purchase Order</b> dan memaklumkan mengenai mesej yang tertera</p> <p>B. Atau Pembekal boleh menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan (PPP) di talian +673 2383444 semasa waktu pejabat atau e-mel: <a href="mailto:PPP@treasury.gov.bn">PPP@treasury.gov.bn</a> untuk memaklumkan mengenai mesaj yang tertera</p>
<p>26</p>	<p>Apa yang perlu dilakukan sekiranya Pembekal menerima mesej (seperti rajah dibawah) setelah menekan punat <b>Add a New Value</b>:</p> 	<p>Pembekal mesti memastikan inbois yang dimasukkan belum pernah digunakan untuk tuntutan sebelumnya</p> <p><b>Nota Penting:</b> Nombor inbois yang pernah digunakan untuk tuntutan pembayaran dan pembayaran telah dibuat tidak boleh lagi digunakan</p>

Prepared By:	Munerah Abd Rahman	Reviewed By:	Nora Tahir
--------------	--------------------	--------------	------------

27	<p>Apa yang perlu dilakukan apabila Pembekal membatalkan e-Invoice yang menunjukkan status <b>Received</b> dan mesej (seperti rajah dibawah) tertera:</p> 	<p>A. Pembekal tidak boleh membatalkan e-Invoice yang menunjukkan status <b>Received</b></p> <p>B. Pembekal hanya boleh membatalkan e-Invoice yang menunjukkan status <b>New eInv, eSubmitted dan Queried</b></p>
28	<p>Bagaimana cara nya sekiranya Pembekal mempunyai dua (2) inbois yang hendak di masukkan keterangan ke dalam e-Invoice?</p>	<p>Pembekal di sarankan untuk memasukkan keterangan kedua (2) inbois berasingan. Satu (1) keterangan inbois untuk satu (1) transaksi di dalam e-Invoice</p>
29	<p>Sekiranya Pembekal menerima <b>TAFIS Contract</b> melalui e-mel, bolehkah <b>TAFIS Contract</b> tersebut di muat naik berulang kali setiap kali memasukkan keterangan inbois bagi pembayaran berulang?</p>	<p>Ya, mesti di pastikan TAFIS Contract yang hendak di muat naik adalah aktif dan sah</p>



## TAFIS e-Invoice Soalan Berulang



Prepared By: Munerah Abd Rahman Reviewed By: Nora Tahir

30	Bolehkah inbois yang belum dituntut dan dibayar di masukkan ke dalam e-Invoice?	Ya, Pembekal perlu mendapatkan PO atau Contract yang aktif dan sah untuk disertakan semasa memasukkan keterangan e-Invoice
31	Bolehkah Pembekal menggunakan semula nombor inbois yang pernah di masukkan ke dalam e-Invoice tetapi kemudiannya di batalkan?	Ya, Pembekal boleh menggunakan semula nombor inbois yang pernah dibatalkan dengan syarat nombor inbois itu tidak pernah dibuat kan pembayaran
32	Adakah Pembekal perlu menyediakan salinan DO kepada Jabatan?	Tidak perlu sebab imbasan DO telah di muat naik ke dalam e-Invoice
33	Bolehkah Pembekal memasukkan tuntutan bayaran balik wang tahanan di dalam e-Invoice?	Tidak, Pembekal di nasihatkan untuk menghadapi tuntutan pembayaran balik wang tahanan seperti sedia kala kerana proses ini tidak menggunakan e-Invoice
34	Adakah Pembekal akan dimaklumkan sekiranya e-Invoice yang telah di simpan dalam TAFIS dibatalkan ( <b>Cancelled</b> )?	Ya, Pembekal akan dimaklumkan melalui e-mel notifikasi

Document name: TAFIS_e-Invoice_FAQ_BM_v1.1	Confidential	Page: 9 of 10
		Date Last Saved: 29/09/2017

## TAFIS e-Invoice Soalan Berulang



Prepared By:	Munerah Abd Rahman	Reviewed By:	Nora Tahir
--------------	--------------------	--------------	------------

35	Adakah Pembekal akan dimaklumkan sekiranya e-Invoice yang telah di simpan dalam TAFIS telah di kuiri ( <b>Queried</b> )?	Ya, Pembekal akan dimaklumkan melalui e-mel notifikasi dan Pembekal boleh melihat sebab ( <b>Query Reason</b> ) kenapa e-Invoice yang di simpan dalam TAFIS di kuiri
36	Berapa lama kah pembayaran akan di terima setelah e-Invoice di muat naik?	Proses pembayaran akan mengambil masa 30 hari waktu berkerja sekiranya tiada ada kueri dan semua dokumen sokongan adalah mencukupi

Document name:	TAFIS_e-Invoice_FAQ_BM_v1.1	Confidential	Page:	10 of 10
			Date Last Saved:	29/09/2017